



## JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

# KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : 7/2011

---

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat **BUMIPUTERA** berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang : 220402** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan menyertai sebut harga berikut :

### **“ PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DI KAWASAN TAPAK PESTA, SUNGAI NIBONG SEMPENA PENGANJURAN PESTA PULAU PINANG 2011”**

2. Syarikat-syarikat **BUMIPUTERA** yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri sesi taklimat tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>08 September 2011 (Khamis)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>10.00 pagi</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Dewan A</b> <b>Unit Tapak Pesta dan Ekspo,</b> <b>Jabatan Kewangan Negeri,</b> <b>Tapak Pesta, Jalan Sultan Azlan Shah,</b> <b>11700 Sungai Nibong, Pulau Pinang</b>
<b>Kehadiran</b>	<b>:</b>	<b>Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)</b>

3. Tuan/Puan adalah diminta membawa bersama dokumen salinan asal yang masih sah laku (salinan asal dan salinan fotostat) seperti berikut :

- i) **Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah;**
- ii) **Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera; dan**
- iii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah (Kod Bidang ditetapkan).**

4. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **e-Perolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulai **09 September 2011**.

5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 19 September 2011 ( Isnin jam 12.00 tengahari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Paras 23 KOMTAR, Pulau Pinang**. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri  
Jabatan Kewangan Negeri  
Pulau Pinang


## SPESIFIKASI KERJA

### PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG SEMPENA PESTA PULAU PINANG 2011

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI
<b>1.0</b>	<b>KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN/ BANGUNAN</b>	
1.1	<b>Bagi tempoh 43 hari dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.</b>	
1.1.1	Membekalkan seorang Penyelia yang akan mengawasi dan menyelia semua pekerja dan memastikan semua pekerja menjalankan dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri.	1 orang untuk 43 hari
1.1.2	Membekalkan tenaga buruh seramai 12 orang untuk kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan urusetia, booth tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan urusetia dari semasa ke semasa.	12 orang untuk 43 hari
1.1.3	Menyediakan alat kelengkapan kebersihan yang <b>mencukupi atas tanggungan syarikat</b> untuk kerja-kerja seperti di <b>perkara 1.1.1</b> di atas seperti tong sampah, plastik sampah, penyapu, penyodok, mop, penyakar, alat pembersihan tandas, wangian tandas, sabun pencuci tangan, getah paip tandas bagi kegunaan pengguna dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengan kerja pembersihan.	Secukupnya
1.1.4	Menyediakan mesin pengering lantai [Blower] dengan jumlah yang mencukupi untuk mengeringkan lantai tandas dari masa ke semasa.	Secukupnya
1.2	<b>Bagi tempoh 35 hari dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam.</b>	
1.2.1	Membekalkan seorang Penyelia yang akan mengawasi dan menyelia semua pekerja dan memastikan semua pekerja menjalankan dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri.	1 orang untuk 35 hari
1.2.2	Membekalkan tenaga buruh seramai 20 orang untuk kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan urusetia, booth tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-	20 orang untuk 35 hari

	kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan urusetia dari semasa ke semasa.	
1.2.3	Menyediakan alat kelengkapan kebersihan yang mencukupi atas tanggungan syarikat untuk kerja-kerja seperti di perkara 1.2.1 di atas seperti tong sampah, plastik sampah, penyapu, penyodok, mop, penyakar, alat pembersihan tandas, wangian tandas, sabun pencuci tangan, getah paip tandas bagi kegunaan pengguna dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengan kerja pembersihan.	Secukupnya
1.2.4	Menyediakan mesin pengering lantai [Blower] dengan jumlah yang mencukupi untuk mengeringkan lantai tandas dari masa ke semasa.	Secukupnya
<b>2.0</b>	<b>PENGANGKUTAN LORI SAMPAH</b>	
2.1	Membekalkan perkhidmatan pengangkutan lori sampah dari tapak pengumpulan sampah di Tapak Pesta Sungai Nibong ke Tapak Pelupusan Sampah seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan termasuk segala caj-caj berkaitan dengan kerja-kerja pembuangan sampah serta kos sewaan tong sampah besar untuk tujuan pemunggahan ke lori sampah.	Bilangan trip tertakluk kpd. keperluan untuk <b>mengosongkan tong sampah sebelum jam 4.00 petang pada setiap hari.</b>
<b>3.0</b>	<b>KEPERLUAN LAIN</b>	
3.1	<b>Jadual tugas harian</b> pekerja yang merangkumi bilangan pekerja, zon bekerja dan senarai tugas perlu disediakan untuk pemantauan oleh urusetia.	-

# PELAN TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG PULAU PINANG



PELAN TAPAK PESTA  
SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG